

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DASAR & PENTADBIRAN

## Kementerian tak pernah lulus herba cegah denggi, zika

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan tidak pernah meluluskan produk herba yang didakwa berupaya memulih dan dan mencegah demam denggi, zika atau chikungunya.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kementerian menerima aduan mengenai produk herba yang diiklankan melalui media sosial dengan dakwaan untuk memulih dan mencegah demam denggi.

"Sesua pengiklanan bagi produk yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah perlu mendapat kelulusan Lembaga Iklan Ubat (LIU), Kementerian Kesihatan sebelum disiarkan kepada orang awam.

"Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas iklan ubat yang disiarkan tanpa kelulusan LIU mengikut Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Jika sabit kesalahan, individu atau syarikat terbabit boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM3,000 atau penjara sehingga setahun atau keduanya sekali," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

### Usah percaya dakwaan meragukan

Beliau juga mengingatkan orang awam supaya tidak mudah percaya dengan dakwaan meragukan yang dibuat pada sebarang produk dan menyalurkan maklumat kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan.

Maklumat boleh disalurkan melalui pautan <https://www.npra.gov.my/index.php/public-enquiry/complaints/contact-us> atau menelefon talian 03-7883 5400 atau e-mel [npra@npra.gov.my](mailto:npra@npra.gov.my).

Kementerian Kesihatan turut menyarankan masyarakat untuk terus melakukan aktiviti pencegahan denggi, zika dan chikungunya yang berpunca daripada nyamuk Aedes.

"Aktiviti kawalan pembiakan nyamuk Aedes adalah penting termasuk memastikan bekas boleh menampung air dibersihkan atau dimusnahkan segera jika tidak diperlukan, manakala bekas air yang sukar dikosongkan hendaklah diletakkan bahan pembunuh jentik-jentik.

"Masyarakat juga dinasihat mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami gejala demam denggi seperti demam, sakit kepala, sakit sendi, ruam, loya, muntah atau gejala amaran awal seperti muntah berterusan, sakit perut atau keletihan," katanya.



Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas iklan ubat yang

disiarkan tanpa kelulusan LIU mengikut Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 "

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
Ketua Pengarah Kesihatan

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NEGARA

KKM tidak pernah keluarkan kelulusan sebarang produk herba cegah, pulih demam itu

## Jangan percaya ubat cegah denggi

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) tidak pernah meluluskan sebarang produk herba dengan tuntutan untuk memulih dan mencegah demam denggi, zika atau chikungunya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kementerian menerima aduan mengenai

produk herba yang diiklan melalui media sosial dengan tuntutan untuk memulih dan mencegah demam denggi.

Beliau menerusi kenyataan yang dikeluarkan semalam turut menegaskan, semua pengiklanan bagi produk yang berdaftar dengan PBKD perlu mendapat



NOOR HISHAM

kelu-

lusan Lembaga Iklan Ubat (LIU) KKM sebelum disiarkan kepada orang awam.

"Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap iklan ubat yang disiarkan tanpa kelulusan LIU di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Jika

sabit kesalahan, individu atau syarikat terbabit boleh diken-

kan hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Selain mengambil langkah pencegahan denggi yang berpunca daripada nyamuk aedes, KKM turut menasihati orang ramai agar segera mendapatkan rawatan jika mengalami gejala demam denggi seperti demam, sakit kepala, sakit sendi, ruam, loya, muntah atau gejala amaran

awal seperti muntah berterusan, sakit perut atau keletihan.

Sebarang maklumat berkenaan produk ubat yang meragukan boleh disalurkan kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRF), Kementerian Kesihatan Malaysia melalui pautan <https://www.npra.gov.my/index.php/public-enquiry-complaints/contactus> atau menelefon talian **03 7883 5400** atau emel [npra@npra.gov.my](mailto:npra@npra.gov.my). – Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

## KKM tidak pernah lulus herba cegah denggi

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan melalui Pihak Berkualiti Kawalan Dadah (PBKD) tidak pernah meluluskan sebarang produk herba dengan tuntutan untuk memulih dan mencegah demam denggi, zika atau chikungunya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kementerian menerima aduan produk herba yang diiklan melalui media sosial dengan tuntutan untuk memulih dan mencegah demam denggi.

Beliau dalam kenyataan semalam menegaskan, semua pengiklanan bagi produk yang berdaftar dengan PBKD perlu mendapat kelulusan Lembaga Iklan Ubat (LIU), Kementerian Kesihatan sebelum disiarkan.

"Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap iklan ubat disiarkan tanpa kelulusan



DR NOOR HISHAM

LIU di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Kementerian juga menasihati orang ramai segera dapat rawatan jika mengalami gejala demam denggi seperti demam, sakit kepala, sakit sendi, ruam, loya, muntah atau gejala amaran awal seperti muntah berterusan, sakit perut atau keletihan.

Sebarang maklumat produk ubat yang meragukan boleh disalurkan kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia melalui pautan <https://www.npra.gov.my/index.php/public-enquiry-complaints/contactus> atau menelefon talian 03 7883 5400 atau emel [npra@npra.gov.my](mailto:npra@npra.gov.my). - Bernama